

27 JUN 2002

Sabah-Sokong/I

UMNO SABAH SOKONG PENDIRIAN MT UMNO MENGENAI PENGGANTI DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 27 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Sabah hari ini secara rasmi menerima keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menghormati keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak semua jawatan parti dan kerajaan dalam bulan Oktober tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Musa Aman mengumumkan bahawa endorsemen itu dicapai pada mesyuarat badan perhubungan itu di sini hari ini.

Umno Sabah terkejut dan tidak menduga dengan pengumuman tiba-tiba Dr Mahathir yang mahu meletak jawatan pada Perhimpunan Agung Umno Sabtu lepas, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat berkenaan.

Beliau berkata, seperti orang lain, pada mulanya Umno Sabah secara spontan turut menyokong usul menolak hasrat Dr Mahathir untuk meletak jawatan dan akan merayu kepada beliau untuk menarik balik keputusannya.

"Namun setelah meneliti keputusan MT Umno, kami akan mematuhi keputusan MT Umno. Kami berpendapat bahawa keputusan ini sebagai menghormati dan menuruti hasrat presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

Katanya, Umno Sabah merakamkan penghargaan kepada presiden parti kerana telah merancang dengan baik dan menyediakan tempoh peralihan kuasa yang licin.

"Kami akan akur kepada hasrat Dr Mahathir bahawa Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bakal menggantikan beliau," katanya.

-- BERNAMA

NT HM